



**AmAssurance**

**Siaran Media**

---

7hb Jun 2007

### **AmAssurance meraikan pencapaian juara-juara ejensinya**

AmAssurance Berhad telah meraikan pencapaian jualan juara-juara ejensinya pada Konvensyen Nasional AmAssurance yang ke 19 di Hotel Palace of the Golden Horses. Acara yang telah dilangsungkan pada 25 sehingga 27 Mei 2007 ini membawa tema "*Stars on the Red Carpet*".

"Tahun ini amat bermakna bagi kami dengan pencapaian rekod baru iaitu 54 kelayakan *Million Dollar Round Table* (MDRT) berbanding dengan 38 kelayakan MDRT pada tahun lalu yang menunjukkan peningkatan sebanyak 42%" ujar En Ng Lian Lu, Ketua Pegawai Eksekutif AmAssurance.

Konvensyen ini turut meraikan kejayaan 3 juara utama bagi kategori pengurus ejensi. Di tempat pertama, Encik Hamzaki Hamzah yang berjaya meraih rekod baru kutipan jualan insurans sebanyak RM10 juta, manakala En Mow Kwang Ming di tempat kedua dengan RM4.9 juta dan En Nuzihan Zakaria di tempat ketiga dengan RM4.5 juta. AmAssurance turut meraikan pencapaian 3 kelayakan *Court of the Table* (COT)nya iaitu Pn Cindy Kueh Siok Hiang, En Rizal Bin Tarmizi dan En Shahizan Bin Salleh.

Pencapaian yang telah diraih oleh pasukan ejensi ini adalah hasil kejayaan AmAssurance dalam memperkenalkan Pelan Pembayaran Mudah 0% EPP. Kemudahan pembayaran mudah melalui kad kredit AmBank ini bukan sahaja membolehkan para pelanggan untuk mendapatkan perlindungan insurans hayat mahupun insurans am, malahan turut memudahkan mereka untuk membuat pembayaran melalui gabungan 200 jaringan cawangan AmBank dan AmAssurance di serata pelusuk negara.

AmAssurance akan turut memperkenalkan skim baru yang dinamakan Super 0% EPP pada Jun ini. Menerusi skim pembayaran mudah yang direvolusikan daripada skim 0% EPP, AmAssurance akan berada di barisan hadapan dalam industri insurans dalam menawarkan perkhidmatan pinjaman premium insurans di samping membolehkan para pelanggan untuk meraih keuntungan dalam bentuk dividen.

AmAssurance turut melancarkan kempen merekrut ejen secara agresif untuk mencapai sasaran 6,000 jumlah ejen pada 2008. Menurut Mr Ng, "Kami telah mengambil beberapa pendekatan strategik untuk mempertingkatkan aktiviti jualan dan rekrut kami dengan memperkenalkan pelbagai alat bantuan jualan dan rekrut yang unik dan interaktif kepada ejen kami."

"Kami juga sedang berusaha untuk mempertingkatkan keupayaan ejen baru kami dalam membuat perancangan insurans yang berkualiti untuk para pelanggan. Beberapa inisiatif akan terus diambil bagi memastikan bahawa mereka akan mendapat latihan yang dan kelengkapan jualan yang sewajarnya," tambah beliau lagi.

AmAssurance turut menyasarkan untuk mempertingkatkan platform "MOBILE" nya ke tahap yang lebih tinggi. MOBILE adalah akronim kepada konsep "*Malaysia's One Stop Banking & Insurance Lifetime Entrepreneur*".

### **Tentang AmAssurance**

AmAssurance merupakan sebuah syarikat insurans komposit yang menawarkan pelbagai produk insurans hayat dan am yang komprehensif untuk rakyat Malaysia. Ia merupakan sayap perniagaan insurans kepada Kumpulan AmBank, salah sebuah peneraju kumpulan khidmat kewangan yang terulung di negara ini. Produk dan perkhidmatan AmAssurance boleh didapati menerusi 38 cawangan kami di seluruh negara, di samping menerusi perkhidmatan ejen dan Pusat Khidmat Pelanggan.

---

**Untuk keterangan lanjut, sila layari [www.amassurance.com.my](http://www.amassurance.com.my) atau hubungi En Alex Tan, Ketua Jabatan Komunikasi Korporat dan Pemasaran di talian 03 4047 8053 atau menerusi email di [alex-tan@ambg.com.my](mailto:alex-tan@ambg.com.my)**